

HAL EHWAL DAN KEDUDUKAN ISLAM DI INDONESIA

Bagaimanakah kedudukan umat Islam di Indonesia sekarang? Ini boleh dapat diperhatikan Daripada ucapan Kiyai Isa Anshari yang Dipertua “ Front anti-Komunis Indonesia”

dalam persidangan am ketika menutup persidangan Kongres Mubaligh Islam Indonesia di Medan pada penghujung bulan Oktober yang lalu. Ini mustahak menjadi perhatian kita untuk mengetahui betapa dan bagaimana perkembangan Islam di Indonesia hari ini.- P.

Kiyai Hj. Muhammad Isa Anshari setelah memberi mukadimah lalu menyatakan bahawa umat Islam bukanlah umat kambing gondol yang boleh diadu-dombakan di antara satu sama lain, umat Islam bukan umat umat kuda tunggangan tetapi umat Islam adalah umat rijal ruhaniyah, lelaki besar yang dapat berkuasa merombak nasibnya sendiri, kalau perlu dengan darahnya yang merah.

Dalam perjuangan, katanya, umat Islam dari keturunan demi keturunan, angkatan demi angkatan menunjukkan dengan tepat dan pasti bahawa senjata-senjatanya hingga saat ini tidak dapat dipatahkan. Umat Islam tahu apa yang harus mereka rutilkan dan apa yang harus mereka tegakkan, tahu dengan sungguh-sungguh mana ma‘ruf yang harus dibela, kalau perlu memfanakan dirinya sendiri, dan mana pula yang munkar yang harus dibasmi kalau perlu memfana dan menghanguskan dirinya sendiri. Mereka tahu apa yang ditenatang dan dilawan. Inilah gambaran wajah perjuangan umat Islam yang dirintisi jalannya oleh pahlawna-pahlawan Islam seperti Sultan Abdullah di Trinita, Hasan al-Dīn

di Sulawesi, Diponegoro di Jawa, Imam Bonjol di Minangkabau, Tengku Cek di Tiro di Aceh dan lain-lain pahlawan Islam.

Setelah membayangkan bahawa kebangkitan Indonesia itu bukannya pada 20 Mei 1908 yang diambil daripada hari lahirnya Budi Utomo yang dipelopori oleh Dr Wahidin tetapi ia jauh ke belakang iaitu pada 16 Oktober, 1905 tatkala berdiri di syarikat dagang Islam yang dipelopori oleh Hj. Samanhudi maka Kiyai Isa Anshari seterusnya menyatakan:

“ Apa sebenarnya yang menjadi hasrat diri kebangunan kita? Apa sebenarnya kudrat yang membawa pergerakan pahlawan-pahlawan Islam ratusan tahun dahulu? Yang menjadi hasrat bagi perjuangan itu ialah bukan nyiur melamabai, bukan tanah dan air, bukan ombak di laut, bukan panggilan ibu pertiwi, bukan, bukan, bukan itu yang menjadi hasrat, yang menjadi hasrat ialah “ Allahakbar” semata-mata.

“ Perjuangan Islam tiap masa, tiap keadaan (iklim), tiap tingkat kemajuan berpunca daripada kekuatan itu, berpunca daripada hasrat tauhid,

hasrat akidah Islamiyyah yang tidak boleh ditawar-tawar walau pun sesen iaitu akidah Islamiyyah *'ashadu 'an lā ilaha illā Allah wa 'ashadu Muhammada rasūl Allah.*

Dari zaman kemajuan pergerakan dan perjuangan umat Islam dalam sejarahnya mencari jalan yang ditempuh, pemimpin-pemimpin perjuangan, hasrat perjuangan tidak pernah dilaksanakan oleh umat Islam. Dalam mengisi tenaga dan kekuatan megembangkan masalah di kalangan umat Islam, umat Islam tidak akan mundur dengan gertak-gertak sembah. Keyakinannya tidak boleh di pistol atau di meriamkan, tidak boleh dipermudah. Ulama boleh dibunuh, boleh diculik dan boleh dilarikan dan boleh dihancurkan binasakan, tetapi akidah Islamiyyah akan tegak dan hidup, akan menyusun tiap-tiap perlawanan yang harus dilancarkan terhadap tiap-tiap kemaksiatan dan kemunkaran yang bermaharajalela di Indonesia sekarang.

Ketika loceng kemerdekaan berdenting dengan nyaringnya pada 17 Ogos 1945 panggilan Allāhuakbar inilah yang menghidupkan segala kepala umat Islam, dan yang menegakkan batang tubuh umat Islam untuk turut menyelesaikan revolusi berdarah. Apa yang dapat diberikan telah diberikan oleh umat Islam, apa mungkin dikorbankan oleh dikurbankan tetapi yang tidak mungkin dikurbankan oleh umat Islam ialah akidah dan imannya.

Walau pemerintah Republik Indonesia memberi peluang kepada segenap rakyat untuk ikut melahirkan pendapat dan memberikan suaranya dalam pemilihan umum yang lalu umat Islam sedar, umat Islam insaf, dan mengerti bahawa pemilihan umum itu bukanlah satu-satu jalan untuk menegakkan dawlah Islamiyyah, banyak jalan yang boleh ditempuh. Salah satu jalan dari yang banyak itu ialah ijtihad alim ulama Islam supaya aktif dalam pemilihan umum sebab pemilihan umum itu adalah salah

satu jalan yang mungkin dijalani sebagai wasilah untuk menegakkan hukum dan daulat Islamiyyah.

Setelah mengkaji kekalahan-kekalahan atau pun kesudahan-kesudahan dari pemilihan umum di Indonesia yang sangat tidak memuaskan hati, umat Islam sebagaimana dijangka terutamanya dalam pemilihan anggota-anggota Majlis Perlembagaan (Konstitusi) maka Kiyai Isa Anshari berkata:

“Kongres Mubaligh Islam di Medan yang berakhir pada malam ini (16 Oktober 1956) memberi sumbangan fikiran dan pendapat yang merupakan jalinan bandingan dan keyakinan perjuangan dari segenap mubaligh-mubaligh Islam seperti yang telah dibacakan. Di sini diterangkan bahawa mubaligh-mubaligh yang berkongres pada saat ini hanya mengenal satu perlembagaan iaitu Perlembagaan Islam. Tidak mengenal jalan berdamai (kompromi) dengan siapa jua dan



Zaitun bin Jawahir; kanan, (Ikhwan:) dan Ramli al-Jawahir (Ikhwan) dari Muar. Keduanya telah berjaya mengelilingi Tanah Melayu dengan basikal baharu-baharu ini (baca berita lanjutnya dalam Qalam bilangan yang lalu)

dalam bentuk dan cara apa jua pun dalam majlis perlembagaan setelah menceritakan hal-hal yang berlaku dalam pemilihan umum yang lalu dalam mana pihak-pihak lawan telah menggunakan banyak wang dan harta dan Presiden Sukarno pula telah menjadi pelopor propaganda bagi pihak kebangsaan, dan yang menyebabkan kemenangan-kemenangan yang didapati oleh Komunis di Indonesia hingga mendapat 39 kerusi maka Kiyai Isa Anshari berkata:

“Syukurilah kemenangan yang kita perolehi sekarang ini. Kalau kamu pandai hai umat Islam, pandai memelihara kemenangan yang tealah ada di tangan, pasti kelak akan kami perlipat-gandakan. Tetapi kalau kamu tidak pandai mempergunakannya azab Tuhan maha pedih.

“ Salah satu kesanggupan mengggunkan kemenangan yang berpatutan ini ialah wakil-wakil umat Islam dalam Majlis Perlembagaan haruslah berjuang serta seia sekata pada akidah Islamiyyah dan keyakinannya bukan bererti tidak mahu berdamai dalam lapangan ideologi, akidah dan keyakinannya tidak mahu bertolak-ansur.

Apakah yang kita namakan ideologi Islamiyyah? tanya Kiyai Isa Anshari. Pada saat pemilihan umum dahulu selalu kita huraiakan. Kalau kita menarik secara tajam apa yang dinamakan ideologi Islamiyyah, dan keyakinan Islam itu bukanlah pencasila. Terang dan jelas, tidak pagi berdalih-dalih lagi. Saya katakan kepada segenap orang luar, belahlah dada umat Islam Morocco sampai ke Mrogi pasti dadanya itu bertulis “*litakūn kalimah Allah hiya al-‘ulyā*” untuk menegakkan kalimah Allāh, bukan Pancasila.

Saya pernah diajuk-ajuk oleh parti luar Islam, katanya: Buat ketuhanan apa diributkan mahu negara Islam, bukankah Pancasila yang pertama telah ada ketuhanan yang maha Esa? Saya jawab ketuhanan yang maha Esa dalam

Pancasila bukanlah gambaran dan akidah Islamiyyah akidah Islamiyyah ialah dua kalimah syahadah. Pancasila keTuhanan yang maha Esa tidak memakai “*‘ashasdu an lā ilāh illā Allah*” percaya kepada Tuhan yang maha kuasa, tidak percaya kepada Muhammad sebagai Nabi, kufur hukumnya.

“ Oleh kerana itu, saya secara jantan dan kontan (toni) di tengah-tengah ejekan dan sorak ramai masyarakat itu, saya ketengahkan pendapat saya: kalau hanya untuk menegakkan Pancasila buat apa dikeluarkan bermilion-milion rupiah untuk pemilihan umum yang lalu; kalau hanya untuk Pancasila tiak perlu ada masyumi , tidak perlu ada P.S.I.I. (Partai Sarekat Islam Indonesia), parti dan sebagainya, tidak perlu ada perjuangan Islam, tidak perlu Quran dan hadis tetapi cukup Pancasila ini sahaja diterima bulat-bulat.

“ Kita menola Pancasila, kita menolak rukun Pancasila, kita menolak undang-undang Pancasila kita menolak negara Pancasila. Yang kita perjuangkan ialah hukum Islam, Undang-undang Islam, negara Islam, pemerintah Islam, dawlah Islamiyyah, hukumah Islamiyyah tidak boleh ditawar-tawar lagi.

“ Orang luar, bagaimana kamu memperjuangkan dawlah Islamiyyah sedang kamu tidak memperoleh 2/3 suara yang diperlukan. Bagi kita bukanlah suara, kita tidak sudi, tidak redha satu perlembagaan yang berlawanan atau tidak sesuai dengan hukum dan ajaran Islam. Kita tidak perlu takut mahu bertolak ansur baik dengan ancaman dan dengan cara menuduh atau pun dengan cara gertak sembal, atau apa pun juga, kecuali Islam diterima bulat-bulat menjadi daar republik Indonesia.

“ Orang luar menjawab: kita tidak mahu berdamai tidak mahu bertolak ansur. Kami hanya mahu Pancasila. Kami tidak mahu undang-undang Islam . Kami

hanya mahu Pancasila - jadi sama-sama.

Kalau begitu bagaimana perjuangan dalam perlembagaan? Saya jawab dengan cara dan bahasa saya sendiri. Kalau masing-masing golongan tetap kepada pendiriannya, akhirnya pekerjaan dalam Majlis Perlembagaan akan gagal dalam masa yang cepat sekali. Kalau gagal bagaimana tuan? Saya jawab mubaligh Islam yang berkongres dengan kesedaran dan keinsafan berpendapat lebih baik pekerjaan perlembagaan itu gagal daripada berdamai, bertolak-ansur yang ditempuh oleh umat Islam.

“ Kalau gagal bagaimana undang-undang seterusnya? ”

Jawab saya: Undang-undang yang sekarang ini masih bersifat sementara. Undang-undang bersifat sementara itu lebih baik daripada mengesahkan undang-undang Pancasila yang sementara ini, biarlah gagal biarlah sementara daripada kita berdosa kepada Allah dan kepada al-Qurā'n dan keturunan kita.

“ Perjuangan dalam Majlis Perlembagaan itu sudah ditentukan oleh keputusan perjuangan Rasul. Quran mengatakan perjuangan Rasul dan pengikut Muhammad termasuk kita kaum muslimin di Indonesia sikap dan pendiriannya, keras terhadap kufur, tidak mahu bertolak-ansur dengan luar, bukan bersifat keras kepada manusia tetapi keras dan teguh dalam memperjuangkan pentadbiran, tidak mahu tahu menawar. Demikian pendirian pejuang umat Islam seluruhnya. Bagaimana ke dalam? ”

“ Ramah-tamah antara sesama mereka, Islam sesama Islam ruḥama' baynahum (berkasih-kasih sesama Islam) antara Masyumi dan Nahḍah al-'Ulama', ruḥama' baynahum, antara parti syarikat Islam Indonesia dan Masyumi beramah-tamah. Harus tahu siapa kawan siapa lawan. Mahir mencari kawan dan menentang lawan -

inilah tabiat perjuangan Rasul. Pendirian umat Islam bukanlah mencari lawan kepada kawan kawan kepada lawan, yang kalau perlu kita boleh bekerjasama syaitan, bukan pendirian umat Islam bekerjasama dengan siapa pun juga. Maka aturan ilahiyah telah menentukan. Ada kawan-kawan yang harus kita ajak menyusun Ikhwah Islamiyyah dengan sepenuh-penuhnya jika umat Islam memenuhi tabiat perjuangan rasul insya-Allah kemuliaan akan tercapai. Tetapi kalau umat Islam menjual keyakinan dengan mata benda, menjual keyakinan dengan lesen istimewa, dengan pangkah dan kerusi yang empuk maka merosotlah perjuangan umat Islam itu di kurun-kurun yang akan datang. Perjuangan dalam perlembagaan ini tidak terlepas dari perjuangan di luarnya. Jangan biarkan perjuangan menurut kemahuan sendiri-sendiri keputusan-keputusan yang diacakan tadi mengemukakan saran dan peringatan kepada ulama-ulama Islam dengan mata tauhid mengikuti perbuatan-perbuatan wakil-wakil saudara dalam perlembagaan itu. Kalau ada yang menyimpang dari garis fahaman ideologi kita, perlu diadakan bangkangan yang kuntan dan spontan. Sebab perlembagaan itu adalah salah satu jalan yang memungkinkan kita umat Islam menegakkan dawlah Islamiyyah di Indonesia.

Sudah terbit!

Cetak kedua!

Bilal

Tukang Bang Rasulullah

riwayat hidupnya yang lengkap dari kecil hingga wafatnya di dalam usia 70 tahun.

Senaskhah 1.00\$ Pos 10 sen

Pintalah kepada penerbitnya, Qalam, Singapura.